

Headline **Lojing ganti Cameron Highlands**  
Date **04 Nov 2010**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Nasional**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **N4**  
Article Size **457 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **2,514**  
PRValue **7,541**



# Lojing ganti Cameron Highlands

Orang Asli Gua Musang kini sudah ke hadapan, ada yang jadi Ahli Majlis Daerah Jajahan Gua Musang

**MASYARAKAT** Orang Asli di Gua Musang yang dahulunya dikenali dengan sekadar memburu di hutan kini sudah tidak lagi 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang' untuk menyara kehidupan keluarga.

Sebaliknya mereka kini mampu melanggan siaran televisyen berbayar dan juga memandu kenderaan pacuan empat roda untuk berulang alik dari bandar ke kampung mereka.

Penduduk yang majoritinya kaum Temiar kini mempunyai pekerjaan sendiri dan ada di antaranya berjaya menjadi ahli majlis daerah bagi Jajahan Gua Musang.

Walaupun bagaimanapun, Orang Asli di Gua Musang ini masih memerlukan pelbagai kemudahan lain antara klinik bergerak untuk mereka menerima rawatan penyakit ringan seperti demam dan selesema.

Seorang penduduk Murni Jali 40, berkata, sekiranya berlaku kecemasan seperti orang tua sakit tenat, penduduk di sini perlu menaiki kenderaan dan memandu selama satu jam untuk tiba di Hospital Gua Musang.

"Klinik penting untuk masyarakat di perkampungan Orang Asli untuk menerima rawatan, kalau ada bayi yang sakit mudah untuk kami mendapat rawatan," katanya ketika ditemui *Sinar Harian*.

Ketua Masyarakat Kampung Redig, Ishak Arum, 35 berkata, penduduk Orang Asli masih lagi banyak ketinggalan dari segi pendidikan terutama di peringkat universiti.

"Walaupun kami sudah mempunyai sekolah di Pos

Headline **Lojing ganti Cameron Highlands**  
Date **04 Nov 2010**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Nasional**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **N4**  
Article Size **457 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **2,514**  
PRValue **7,541**

Brooke tetapi saya berharap kerajaan dapat membantu kami membawa anak-anak kami ke sekolah yang lebih tinggi (universiti)," katanya.

Lojing merupakan kawasan pedalaman yang terletak di Negeri Kelantan. Puncak Lojing terletak pada 2000 meter dari aras laut. Tanah Tinggi Lojing boleh dihubungkan melalui Gua Musang, Kelantan dan dari Cameron Highlands, Pahang.

Kawasan ini berpotensi untuk dimajukan lagi sebagai destinasi pelancongan agrotourism berdasarkan muka bumi dan suhu yang dingin sesuai untuk penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan beriklim sejuk.

Tidak hairanlah sekiranya dalam 10 tahun lagi Lojing ini boleh dikatakan sebagai pengganti Cameron Highlands nanti kerana kawasan ini mirip pusat pelancongan terkemuka di Negeri Pahang itu.

Antara tanaman yang dikomersilkan di kawasan ini adalah tomato, kacang panjang dan kubis.

Nama Lojing dipercayai dari perkataan 'logging' bermaksud pembalakan, yang banyak dilakukan di kawasan tersebut.

Dari tahun 1990 hingga kini, Kerajaan Negeri Kelantan telah membuat pelbagai perubahan termasuk memberi lesen pembalakan dan pertanian kepada 22 buah syarikat swasta untuk memajukan Tanah Tinggi Lojing.

Selain itu, Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) telah membaik pulih infrastruktur sistem bekalan air bernilai di Tanah Tinggi Lojing.

Manakala, aktiviti penghutan semula dan biotech integrasi di kawasan Lojing semenjak 2002 menerusi Syarikat Telemont Group untuk mengekalkan kehijauan kawasan tersebut.

Program penghutan semula pokok ini mendapat

kerjasama dan selia dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) yang membantu menanam lebih 2 juta batang pokok di kawasan Lojing dalam tempoh 4 tahun.

Kesimpulannya, masyarakat Orang Asli Gua Musang terutama sekitar Lojing kini boleh menikmati kehidupan biasa seperti masyarakat lain, walaupun masih banyak keperluan yang perlu diperbaiki.

Diharap siapa pun calon yang dipilih oleh mereka di hari pengundi Pilihan Raya


Kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Galas hari ini, diharap dapat memperbaiki kehidupan Orang Asli kepada satu tahap yang lebih baik.



● Hampir kesemua kawasan Lojing mempunyai pemandangan sebegini.



● Antena televisyen berbayar dapat dilihat di kawasan Orang Asli.



● Tomato antara tanaman yang berjaya dikomersil.

Headline **Lojing ganti Cameron Highlands**  
Date **04 Nov 2010**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Nasional**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **N4**  
Article Size **457 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **2,514**  
PRValue **7,541**



● MURNI



● ISHAK